

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL
[PAYA BESAR]**

SOALAN :

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan senarai bantuan-bantuan yang disediakan kepada pekebun kecil bagi komoditi sektor sawit, sektor getah, sektor koko, sektor lada dan sektor kenaf.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan amat prihatin terhadap kebajikan para pekebun kecil komoditi dan menyediakan pelbagai insentif dan bantuan ke arah meningkatkan produktiviti. Langkah ini juga menyumbang ke arah peningkatan pendapatan para pengusaha tanaman komoditi di luar bandar.

Bantuan-bantuan yang telah disediakan kepada para pekebun kecil komoditi adalah seperti berikut:

(i) **Sektor Sawit**

- Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) dan Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK) dengan kadar RM7,500 sehektar di Semenanjung dan RM9,000 sehektar di Sabah dan Sarawak. Bantuan ini termasuk anak benih sawit, penyediaan kawasan, baja dan racun rumpai. Bagi tahun 2016, peruntukan sebanyak RM28.3 juta disediakan;
- Skim Insentif Integrasi Tanaman Dengan Sawit menyediakan insentif tunai sebanyak RM3,000 sehektar untuk tanaman yang sesuai dan had maksimum bantuan ialah 4 hektar. Selain itu, skim ini juga menyediakan insentif tunai sebanyak RM11,000 sehektar bagi integrasi dengan lada dan bantuan dihadkan kepada 2 hektar;
- Skim Insentif Ternakan Dengan Sawit. Skim ini antara lain, menyediakan lembu, kambing, ubat-ubatan, peralatan, kandang serta lawatan khidmat nasihat. Syarat-syaratnya termasuk jumlah pemilikan tanah pemohon secara agregat tidak melebihi 7 hektar dengan luas minimum kawasan adalah 1 hektar untuk bantuan kambing dan 2

hektar bagi bantuan lembu. Bagi tahun 2016, peruntukan sebanyak RM5.8 juta telah disediakan; dan

- Skim Diskaun Cantas (SKIDIC) dengan nilai diskaun RM1,000 bagi setiap unit mesin pemotong buah sawit Cantas yang dibeli.

(ii) Sektor Getah

- Insentif Pengeluaran Getah (IPG) mulai 1 Januari 2015 dengan peruntukan awal dana sebanyak RM100 juta. Pada Januari 2016, Paras Harga Pengaktifan (PHP) IPG telah dinaikkan dari harga SMR20 RM5.10 sekilogram kepada RM5.50 sekilogram dan bagi *cuplump* dari RM2.00 kepada RM2.20 sekilogram dengan peruntukan dana sebanyak RM200 juta. Langkah ini akan membolehkan para pekebun kecil getah dengan pemilikan purata 2 hektar dan produktiviti *cuplump* sebanyak 3,000 kilogram sehektar setahun menikmati pendapatan bulanan sebanyak RM1,100 berbanding dengan RM1,000 dengan kadar lama. Sehingga 30 April 2016, sebanyak 107,930 permohonan telah diluluskan untuk pengagihan IPG yang melibatkan peruntukan sebanyak RM16.5 juta;
- Bantuan tanam semula dan tanam baru getah di mana pekebun kecil di Semenanjung disediakan sebanyak RM9,230 sehektar, RM14,000 sehektar di Sabah dan RM13,500 sehektar di Sarawak. Bantuan ini adalah dalam bentuk benih klon getah yang berkualiti tinggi, baja dan racun rumpai. Bagi tahun 2016, peruntukan sebanyak RM81.4 juta disediakan;
- Menyediakan peruntukan kepada koperasi sebagai modal pusingan untuk terlibat di dalam aktiviti urus niaga getah. Menerusi langkah ini, lapisan pembeli akan dapat dikurangkan dan seterusnya dapat meningkatkan harga pembelian getah di peringkat ladang. Bagi

maksud ini peruntukan sebanyak RM6.4 juta telah disediakan. Sehingga kini sebanyak 18 koperasi sedang terlibat dalam urusan niaga getah dan menawarkan harga secara purata RM0.10 sehingga RM0.20 sekilogram lebih tinggi berbanding harga yang ditawarkan oleh pembeli getah berlesen; dan

- Penyediaan infrastruktur kutipan lateks bagi menggalakkan para pekebun kecil meningkatkan pengeluaran lateks. Ini adalah memandangkan harga lateks adalah lebih tinggi berbanding harga *cuplump*. Peruntukan sebanyak RM10 juta disediakan bagi tahun 2016. Melalui pendekatan ini, pekebun kecil dengan purata pegangan 2 hektar dan produktiviti lateks sebanyak 1,500 kilogram sehektar setahun dan harga getah pada SMR20 pada paras RM5.21 sekilogram akan dapat menikmati pendapatan bulanan sebanyak RM1,052.50.

(iii) Sektor Koko

- Program Pembangunan Rangkaian Koko Kluster di mana pekebun kecil koko akan dibekalkan anak benih, racun, peralatan pertanian dan khidmat nasihat teknikal yang bernilai RM8,000 sehektar. Program ini dilaksanakan di tiga (3) lokasi iaitu Serian di Sarawak, Ranau di Sabah dan Jerantut di Pahang dengan peruntukan sebanyak RM3.2 juta pada tahun 2016 merangkumi keluasan 400 hektar; dan
- Program Peningkatan Produktiviti yang melibatkan bantuan input pertanian dan khidmat nasihat ke arah peningkatan produktiviti koko dan penghasilan biji koko kering yang berkualiti. Bagi tahun 2016, peruntukan sebanyak RM10.2 juta disediakan dengan sasaran keluasan 8,396 hektar.

(iv) Sektor Lada

- Program Pembangunan Kawasan Tanaman Baru Lada dengan nilai bantuan sebanyak RM18,000 sehektar. Di bawah program ini, para pekebun kecil disediakan input pertanian seperti baja, racun, dolomit dan khidmat nasihat teknikal. Bagi tahun 2016, peruntukan sebanyak RM9.0 juta disediakan untuk pembangunan 450 hektar kawasan tanaman baharu lada yang melibatkan seramai 2,250 pekebun kecil;
- Bantuan input pertanian seperti baja, dolomite, insentif tiang sokong dan keratan lada bagi tanaman lada yang berumur kurang dari dua (2) tahun;
- Skim Pengeluaran Lada Berkualiti Eksport (LBE)/ Peningkatan Kualiti Peringkat Ladang. Pekebun kecil yang layak akan diberi bantuan alat pertanian seperti pengipas, pelerai, '*spiral separator*', pelantar jemuran, bahan binaan untuk stor, empangan anak sungai dan tangki rendaman untuk meningkatkan kualiti lada yang dihasilkan; dan
- Skim Usahawan Keratan Lada di mana pekebun kecil yang mempunyai 600 pokok lada sedia ada dengan keluasan tanaman seluas 0.3 ha dibekalkan dengan 400 keratan tanaman induk lada untuk tujuan menghasilkan keratan lada. Sasaran Kementerian adalah bagi membangunkan 10 orang usahawan keratan lada setiap tahun dengan penghasilan sebanyak 8,000 keratan lada bagi setiap seorang usahawan. Selain itu, pekebun kecil juga diberi latihan, lawatan pembelajaran dan khidmat nasihat dan bantuan pemasaran.

(v) Sektor Kenaf

- Program Pembangunan Tanaman Kenaf melalui penyediaan input pertanian. Program ini melibatkan dua (2) komponen, iaitu penghasilan fiber, di mana bantuan sebanyak RM2,385 sehektar disediakan. Bagi penghasilan biji benih kenaf, bantuan sebanyak RM3,000 sehektar disediakan. Jumlah peruntukan di bawah program ini ialah sebanyak RM19 juta bagi tahun 2016.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian akan terus meninjau langkah-langkah yang bersesuaian bagi membantu pekebun kecil komoditi. Langkah ini dalam jangka masa panjang akan menyumbang ke arah matlamat kerajaan untuk meningkatkan pendapatan para pekebun kecil komoditi di luar bandar.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' ABDUL MANAN
BIN ISMAIL [PAYA BESAR]**

SOALAN :

**YB Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta PERDANA
MENTERI menyatakan rasional penajaan Jabatan Perkhidmatan Awam
(JPA) difokuskan bagi pengajian di Institusi Pengajian Awam dalam
negara berbanding institusi pengajian tinggi luar negara.**

SULIT

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) difokuskan bagi pengajian di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam negara bagi menyokong hasrat Kerajaan untuk meningkatkan kecemerlangan IPT tempatan dan memastikan objektif Malaysia sebagai hab kecemerlangan pendidikan tinggi tercapai. Dalam mencapai objektif ini, penajaan pelajar terbaik di dalam negara pastinya akan meningkatkan kedudukan IPT tempatan dalam ranking dunia dan seterusnya menarik minat lebih ramai pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pelajaran di Malaysia. Selain itu, bilangan penajaan juga dapat ditingkatkan bagi memberi peluang lebih ramai pelajar cemerlang dapat ditaja dan secara tidak langsung mengoptimalkan peruntukan yang ada.

Sekian. Terima kasih.